

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Er Teck Hwa [Bakri]

TARIKH : 17 Mei 2016 (Selasa)

**SOALAN : Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Apakah usaha yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang untuk membantu 846,914 ahlinya berdepan dengan masalah kejatuhan harga komoditi, kenaikan kos barang pertanian dan penurunan hasil akibat kesan fenomena El-Nino yang menjejaskan pendapatan peladang kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi membantu ahli-ahlinya berdepan dengan masalah pendapatan yang terjejas akibat kejatuhan harga komoditi, kenaikan kos barang pertanian dan penurunan hasil akibat kesan fenomena El-Nino.

Antara usaha-usaha tersebut adalah:

- i) mewujudkan 200 pusat pengumpulan hasil pertanian (PPHP) bagi mengurangkan kos pemasaran dan logistik;
- ii) menaiktaraf 21 kedai Peladang kepada Agrobazar bagi meningkatkan luang pasaran;
- iii) berkerjasama dengan pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam memasarkan hasil pertanian melalui Pasar Tani. Kaedah ini dapat memberikan pulangan yang lebih baik melalui jualan terus kepada pengguna; dan

- iv) menyediakan kemudahan kredit untuk membantu PP dan ahli peladang melalui Tabung Pembangunan Usahawan Peladang (TPUP), Tabung Pembangunan Usahawan KorTani (TPUK) dan Tabung Pembangunan Estet Padi untuk mempelbagaikan aktiviti dan sumber pendapatan dan seterusnya meningkatkan pendapatan.